

TEKS UCAPAN

YBHG BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN SEMPENA MAJLIS PERASMIAN RUANG TAMBAHAN PERPUSTAKAAN PADA 28 JULAI 2009

Bismillahirrahmanirrahim

Yg. Bhg Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

Pegawai-pegawai Utama Universiti.
Dekan-dekan dan Ketua Jabatan

Semua pegawai dan staf Perpustakaan UniMAP seterusnya
warga UniMAP sekaliannya.

Assalamualaikum Warahmatullahi WabaraktuH dan Salam
Perpaduan.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT
kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama
berhimpun dalam majlis Perasmian Ruang Tambahan
Perpustakaan serta Majlis Jamuan Kesyukuran Jabatan
Perpustakaan.

Ucapan sekalung tahniah dan penghargaan saya tujukan khas buat semua yang terlibat dalam merealisasikan majlis pada petang ini walaupun saya difahamkan pada asalnya ia hanya sekadar jamuan kesyukuran secara kecil-kecilan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Projek pengubahsuaian ruang tambahan Perpustakaan telah siap dilaksanakan semenjak dimulakan pada bulan Mei 2009. Perpustakaan sangat memerlukan ruang ini untuk menampung keperluan ruang bacaan, makmal komputer dan penempatan koleksi Perpustakaan.

Dengan pembukaan dan operasi ruang tambahan ini, Insya-ALLAH kita berjaya menambah kapasiti tempat duduk daripada 368 unit kepada 478 unit iaitu penambahan sebanyak 110 unit dan pastinya ini akan memberikan lebih keselesaan kepada pelajar-pelajar dan warga UniMAP keseluruhannya.

Reka bentuk dan pengisian ruang ini mengambil kira keperluan para pelajar memandangkan mereka merupakan kumpulan majoriti yang mengunjungi perpustakaan secara fizikal di Bangunan KWSP. Ini meliputi keperluan menggunakan komputer untuk akses Internet, permintaan yang tinggi terhadap kabel berwayar bagi pengguna laptop,

tahap penggunaan cetakan rangkaian yang semakin meningkat serta kecenderungan untuk belajar secara kolaboratif.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Meminjam, beberapa ciri konsep *Information Commons*, ruang ini direka bentuk dengan penggunaan warna terang, ruang belajar berkonseptan kafe, ruang santai yang luas dan terbuka serta kemudahan komputer yang bakal dilengkapi dengan perisian terkini selain capaian kepada sumber maklumat elektronik langganan Perpustakaan.

Secara asasnya, kita berhadapan dengan keperluan pengguna yang dilabelkan sebagai Generasi Y atau *Net Generation*. Generasi ini telah terdedah dan mahir menggunakan teknologi maklumat dan penggunaan berbagai alatan komunikasi terkini berasaskan Internet.

Amat menarik melihat bagaimana penyelidikan terkini mengklasifikasikan peringkat umur mengikut nama generasi dan bagaimana ia memberi kesan ke atas cara gaya penggunaan Internet.

Pew Internet & American Life Projek menamakan enam (6) jenis generasi mengikut tahun kelahiran dan peringkat umur.

Ini meliputi Gen Y, Gen X, *Younger Boomers*, *Older Boomers*, *Silent Generation* dan *G.I. Generation*. Siapakah Gen Y? Gen Y merujuk kepada generasi yang dilahirkan pada tahun 1977 – 1990 dan berumur di antara 18-32 tahun.

Jika dilihat berdasarkan julat umur ini, majoriti pelajar kita merupakan generasi Gen Y, manakala majoriti staf akademik merupakan dikelaskan Gen X iaitu mereka yang berumur di antara 33-44 tahun dan *Young Boomers* iaitu mereka yang berusia 45-54 tahun.

Kajian oleh Pew Internet pada tahun 2009 menunjukkan peratusan penggunaan Internet dimonopoli oleh Gen Y iaitu pada tahap 30% berbanding Gen X yang hanya mencapai 23%. Generasi Y dikenalpasti kumpulan dominan dalam penggunaan Internet sebagai sumber hiburan dan media komunikasi dengan rakan-rakan dan keluarga.

Mereka juga gemar membaca blog, menulis pandangan mereka melalui blog selain menyertai laman rangkaian (*social networking sites*) seperti Facebook, Friendster, Cloob di Iran, Faceparty di UK, Hyves di Netherland dan banyak lagi.

Generasi ini dikatakan sangat selesa menggunakan teknologi dalam bilik kuliah, menggunakan laptop untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan, menggunakan kemudahan

Internet tanpa wayar, menggunakan khidmat Instant Messaging (IM) bagi mendapatkan maklumat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pemerhatian ini turut dibuat oleh Gardner, Susan dan Susanna Eng dalam kajian bertajuk "*What Students Want: Generation Y and the Changing Function of the Academic Library*" yang diterbitkan dalam jurnal *Libraries and the Academy*.

Kedudukan mereka sebagai pengguna majoriti di perpustakaan akademik turut memberi implikasi kepada Perpustakaan terutama dalam aspek cara gaya (*style*) penawaran perkhidmatan dan pemilihan media komunikasi berkesan untuk memahami ekspektasi dan keperluan maklumat mereka.

Justeru, perkembangan ini tidak boleh dipandang sepi oleh Perpustakaan dan Universiti. Kesedaran dan pemahaman terhadap perkembangan ini boleh membantu dalam merekabentuk dan menawarkan perkhidmatan secara relevan dan efektif.

Konsep *Return on Investment* (ROI) kini perlu ditekankan bagi memastikan setiap pelaburan dan setiap sen yang dilaburkan bakal menghasilkan pulangan positif. Ini berkait rapat

dengan peranan penetapan *Key Performance Indicators* atau KPI untuk memastikan organisasi bergerak pada landasan yang betul dan mencapai keberkesanannya kos kewujudan serta kefungsianya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi UniMAP, kita menggunakan strategi untuk terus membangunkan perpustakaan sedia ada di Bangunan KWSP walaupun selepas bangunan Perpustakaan di Kampus Tetap Ulu Pauh siap dibina serta beroperasi.

Perpustakaan ini bakal menjadi sebahagian daripada kemudahan yang ditawarkan oleh Kampus Bandar atau *City Campus* Universiti Malaysia Perlis. Kemungkinan pada masa hadapan, kita akan memanfaatkan semua prasarana yang telah disediakan untuk membangunkan Perpustakaan Perniagaan atau Business Library pertama di Negeri Perlis yang bukan hanya dimanfaatkan oleh warga kampus, malahan mereka yang berada dalam sektor bisnes dan korporat.

Harapan saya agar kualiti prasarana yang dibangunkan adalah setanding dengan kualiti sumber manusia yang menawarkan perkhidmatan kepada para pelanggan. Tanpa pengisian perkhidmatan yang profesional, perkhidmatan

berorientasikan *just in time* dan mesra pelanggan, prasarana yang hebat tidak mungkin dimanfaatkan secara optima. Perpustakaan perlu terus menerapkan elemen perniagaan dalam mempromosikan perkhidmatan bagi memastikan setiap sumber digunakan secara optima oleh warga Universiti.

Akhir kata, saya mengharapkan agar ruang tambahan yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh semua pihak dan hindarkan sebarang bentuk vandalism.

Marilah kita sama-sama menjaga setiap kemudahan yang terdapat di universiti ini sebagai mana kita menjaga harta benda milik kita sendiri.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Ruang Tambahan Perpustakaan UniMAP.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.